

# DIFFERIN<sup>®</sup> GEL

Adapalene (0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Differin Gel
2. Bagaimana Differin Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Differin Gel
4. Cara menggunakan Differin Gel
5. Semasa menggunakan Differin Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Differin Gel

Differin Gel ialah ubat preskripsi untuk kegunaan kulit sahaja (topikal) yang digunakan untuk merawat akne vulgaris pada mereka yang berusia 12 tahun dan ke atas.

Akne vulgaris ialah keadaan apabila kulit ditumbuhi bintik hitam, bintik putih dan jerawat.

Tidak diketahui sama ada Differin Gel selamat dan berkesan pada kanak-kanak berusia kurang daripada 12 tahun.

## Bagaimana Differin Gel berfungsi

Bahan aktif dalam Differin Gel ialah adapalene yang mempunyai kesan anti inflamatori yang mengurangkan kesakitan dan kerengsaan.

## Sebelum menggunakan Differin Gel

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Differin Gel jika anda alergi kepada adapalene atau mana-mana ramuan Differin Gel. Lihat bahagian akhir Risalah Maklumat untuk Pengguna ini untuk senarai lengkap ramuan Differin Gel.

### - Sebelum menggunakan Differin

Sebelum anda menggunakan Differin Gel, beritahu doktor jika anda:

- mengalami masalah kulit yang lain termasuk ekzema, keradangan kulit seboreik
- mengalami apa-apa keadaan perubatan yang lain.

- Mengalami jerawat yang serius

### - Mengandung dan menyusukan bayi

Tidak diketahui sama ada Differin Gel boleh memudaratkan bayi anda yang belum lahir. Beritahu doktor jika anda hamil atau merancang untuk hamil.

Tidak diketahui sama ada Differin Gel memasuki susu ibu dan sama ada ia boleh memudaratkan bayi anda. Berbincang dengan doktor tentang cara terbaik memberi susu kepada bayi anda jika anda menggunakan Differin Gel.

Untuk mengelakkan bayi daripada terdedah kepada Differin Gel, jangan guna Differin Gel pada bahagian dada.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda tentang semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin dan herba tambahan.

Beritahu doktor terutamanya jika anda menggunakan apa-apa ubat lain untuk jerawat.

Walau bagaimanapun, rawatan jerawat topikal, contohnya erythromycin atau larutan clindamycin phosphate atau gel benzoyl peroxide berbahan dasar air boleh digunakan pada waktu pagi apabila Differin Gel digunakan pada waktu malam.

Anda perlu tahu ubat yang anda ambil. Simpan senarai ubat supaya anda boleh menunjukkannya kepada doktor dan ahli farmasi apabila anda mendapat ubat baharu.

## Cara Menggunakan Differin Gel

- Basuh bahagian yang hendak disapu dengan Differin Gel dan lap hingga kering.
- Tiub: Picit sedikit ubat pada hujung jari dan sapu dalam lapisan nipis hingga rata di

seluruh muka dan mana-mana bahagian lain yang terlibat.

### - Berapa banyak harus digunakan

Guna Differin Gel seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Differin Gel hanya untuk kegunaan pada kulit sahaja. Jangan guna Differin Gel di dalam atau pada mulut, mata atau vagina.

Sapu Differin Gel sekali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Differin Gel haruslah digunakan pada bahagian yang terjejas dengan jerawat sekali sehari sebelum tidur dan selepas mencuci, melainkan jika doktor anda memberi nasihat lain.

### - Berapa lama perlu digunakan

Berapa lama anda perlu menggunakan Differin Gel bergantung kepada berapa cepat jerawat anda sembuh. Selepas menggunakan Differin Gel, anda perlu berjumpa doktor supaya dia boleh memeriksa keadaan jerawat anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan risau jika anda terlupa menggunakan Differin Gel pada waktu yang tepat. Apabila anda ingat, gunakannya semula seperti biasa.

Jika anda ada apa-apa soalan lain tentang penggunaan produk ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jangan guna Differin Gel lebih daripada yang anda perlukan untuk menutup bahagian yang dirawat. Menggunakan terlalu banyak Differin Gel atau lebih daripada sekali sehari boleh meningkatkan peluang mengalami kerengsaan kulit seperti tanda kemerahan, mengelupas atau tidak selesa.

# DIFFERIN<sup>®</sup> GEL

Adapalene (0.1% w/w)

## Semasa menggunakan Differin Gel

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Anda perlu mengelakkan daripada berada di bawah cahaya matahari atau cahaya tiruan, seperti katil samak dan lampu ultralembayung. Differin Gel boleh meningkatkan pertumbuhan sel kanser kulit yang disebabkan oleh cahaya ultraungu.
- Anda perlu memakai pelindung matahari, memakai topi dan pakaian yang menutupi bahagian yang dirawat dengan Differin Gel jika anda perlu berada di bawah cahaya matahari.
- Anda perlu mengelakkan produk kulit yang boleh mengeringkan atau merengsakan kulit anda seperti sabun yang kuat, astringen, kosmetik yang mempunyai kesan mengeringkan kulit yang kuat dan produk yang mengandungi paras alkohol yang tinggi. Kosmetik boleh digunakan tapi ia tidak boleh menyebabkan bintik hitam atau kulit kering.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan gunakan Differin Gel selepas tarikh luput.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera  
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doctor anda dengan segera.

### Kesan-kesan sampingan

Differin Gel boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius termasuk:

- Tindak balas kulit setempat. Tindak balas kulit setempat kemungkinan besar akan berlaku dalam tempoh 4 minggu pertama

rawatan dan biasanya berkurang apabila Differin Gel digunakan secara berterusan. Tanda dan gejala tindak balas kulit setempat termasuk:

- Kemerahan
- Kekeringan
- Kulit bersisik
- Rasa mencucuk atau pedih
- Tindak balas alergi.

Differin Gel boleh menyebabkan tindak balas alergi yang mungkin memerlukan rawatan perubatan. Hentikan penggunaan Differin Gel dan beritahu doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala bagi tindak balas alergi ini:

- Ruam kulit, rasa gatal atau geligata
- Kesukaran bernafas atau sakit dada.
- Bengkak pada muka, mata, bibir, lidah atau tekak.

Anda boleh menggunakan pelembap untuk mengurangkan kulit kering atau kerengsaan.

Walau bagaimanapun, anda perlu mengelakkan penggunaan produk yang mengandungi minyak.

Beritahu doktor jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang mengganggu anda atau yang masih berterusan. Bukan ini sahaja kesan sampingan Differin Gel yang mungkin dialami. Untuk maklumat lanjut, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

### Cara penyimpanan dan pelupusan

#### - Penyimpanan

Simpan di suhu bilik tidak melebihi 25°C.

Jangan sejuk bekukan Differin Gel.

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubatan tidak sepatutnya dibuang melalui air kumbahan atau pembuangan isi rumah. Tanyalah ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat Lanjut

#### - Rupa produk

Differin ialah gel putih. Boleh didapati dalam tiub berlaminat 15, 30 dan 60g. Tidak semua saiz bungkusan akan dipasarkan.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Adapalene
- Bahan Tidak Aktif:  
carbomer, edetate disodium, methylparaben, poloxamer 182, propylene glycol, phenoxyethanol, purified water and sodium hydroxide.

#### - Nombor MAL :

MAL20001212AZ

### Pengilang

Labs Galderma  
Z.A. De Montd'e Sir,  
74540 Alby-Sur-Cheran,  
France

### Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn Bhd  
No 15, Persiaran Pasak Bumi,  
Seksyen U8, Perindustrian Bukit  
Jelutong, 40150, Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### Tarikh Kemaskini RiMUP

11/5/2016

### Nombor siri

BPFK(R4/1)180416/00112